

Bah di Perak, Bintulu tak banyak berubah

Ipoh: Keadaan banjir di Perak tidak banyak berubah dengan seramai 338 orang daripada 98 keluarga dipindahkan di tiga pusat pemindahan di daerah Kerian, setakat jam 6 petang semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Datuk Yahya Madis, berkata bilangan mangsa banjir meningkat di kawasan Kampung Beriah di Bagan Serai dengan penambahan seramai tiga orang ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Merah.

"Ia menjadikan jumlah keseluruhan seramai 173 orang daripada 55 keluarga dipindahkan di pusat pemindahan di sini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ambil langkah berjaga-jaga

Pusat pemindahan SK Changkat Lobak dan Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil (SJKT) Simpang 5 pula masing-masing kekal dengan 139 orang daripada 33 keluarga dan 27 orang daripada 10 keluarga dipindahkan di pusat pemindahan.

Di **Bintulu**, 72 mangsa dari 21 keluarga masih ditempatkan di Dewan Suarah Bintulu, di sini, sehingga jam 4 petang semalam berikutan banjir di kawasan penempatan berhampiran Sungai Sebatang dan Sungai Sebieu, sejak tengah malam kelmarin.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah, Leftenan Muda Zuriza Shar-kawi, berkata walaupun ada antara mangsa sudah dibenarkan ke pulang ke rumah masing-masing, mereka diingatkan agar mengambil langkah berjaga-jaga berikutan keadaan cuaca tidak menentu sehingga hujung minggu ini.

"Keadaan banjir di daerah ini masih dalam keadaan terkawal dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Bintulu sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.

Tanah mendap jejas pengguna

Sementara itu, berlaku kejadian tanah mendap di Kilometer 30 Jalan Bintulu-Tatau, pada jam 8 pagi semalam, dipercayai berpunca akibat hujan lebat hingga menyebabkan pengguna jalan raya terkandas.

Bagaimanapun, Ketua Polis Daerah Tatau, Deputy Superintendan Dennis Bunyam mengesahkan tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan berlaku dalam kejadian itu.

"Orang ramai diminta menggunakan laluan alternatif untuk berulang-alik di antara Tatau dan Bintulu sementara menunggu kerja membaiki pulih kawasan mendapan itu selesai dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)," katanya.



Antara mangsa yang masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Dewan Suarah Bintulu, semalam.



Tanah mendap di Kilometer 30 Jalan Bintulu-Tatau akibat hujan lebat menyebabkan pengguna terkandas.